

BN laksana perubahan

B.H 25/06/03 M/S 11

Rakyat terlepas pandang perubahan dilakukan ke

Oleh Jami'ah Shukri

KETIKA kerajaan negeri yang dikuasai Pakatan Rakyat terutama di Selangor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang sibuk menancang apa yang mereka lakukan selepas 100 hari tempoh pemerintahan, ramai yang terlepas pandang terhadap perubahan dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) sepanjang tempoh yang sama.

Kadang-kala apa yang dilakukan BN untuk kepentingan rakyat ditenggelami isu lain termasuk kemelut yang melanda dalam Umno termasuk desakan meminta Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berundur.

Saban hari juga, dipaparkan kontroversi lain bagaikan kerajaan yang ada tiada masa untuk membuat kerja bagi kepentingan rakyat.

Benar rakyat memberi mesej jelas selepas BN kalah teruk hingga pembangkang menguasai lima negeri termasuk Kelantan selain Wilayah Persekutuan jatuh ke tangan pembangkang, tetapi itu tidak mematahkan semangat Abdullah untuk terus bekerja.

Banyak perubahan yang dilakukannya sejak 8 Mac lalu atau dalam tempoh 100 hari pemerintahan selepas Pilihan Raya Umum Ke-12, tetapi sesetengah pihak bagaikan menidakkan segala kerja keras itu yang mungkin dibayangi isu lain termasuk kenaikan harga minyak dan makanan sedunia.

Meskipun dikritik hebat, Pak Lah sebenarnya tidak mudah putus asa dan terus bekerja. Yang paling terserlah ialah bagi memastikan ketelusan, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam sistem pemerintahan serta institusi kehakiman, berada pada tahap tertinggi.

Usaha mengembalikan keyakinan dan memulihkan persepsi negatif rakyat terhadap pucuk kepimpinan negara dilakukan dalam pelbagai aspek bagi menangani setiap isu dengan lebih berkesan.

Kesungguhan itu dapat dilihat dengan penubuhan Suruhanjaya Kehakiman, Suruhanjaya Diraja Klip Video Lingam serta Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia 2004 untuk menangani isu anggota polis bagi memerangi penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah.

Penubuhan Suruhanjaya Diraja Klip Video Lingam, umpamanya mempamerkan Abdullah mengamalkan prinsip demokrasi untuk mem-

bersihkan imej institusi kehakiman negara yang terpalit berikutan rakaman klip video perbualan antara Datuk V K Lingam dengan hakim kanan yang dikatakan mengatur pelantikan hakim.

Persepsi buruk yang berlaku sejak dua dekad bermula dengan pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan dua hakim Mahkamah Agung, Tan Sri George Seah dan Allahyarham Tan Sri Wan Sulaiman Pawanteh yang dipecat pada 1988.

Selepas pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas dan beberapa hakim kanan pada 1988, disusuli gambar Lingam-Eusoff pada 1994, perbicaraan kes rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dakwaan rasuah dalam sistem kehakiman oleh beberapa hakim pada lewat 1990-an, imej dan keyakinan rakyat terhadap badan kehakiman sudah mula goyah.

Namun, dengan pembayaran *ex-gratia* yang diumumkan Perdana Menteri pada April lalu, dianggap langkah terbaik untuk menghargai sumbangan besar kepada bekas hakim yang dipecat dalam krisis kehakiman bagi memulihkan semula kewibawaan badan kehakiman yang tercemar sejak 20 tahun lalu.

Pembayaran *ex-gratia* kepada enam bekas hakim sebagai menghargai sumbangan besar mereka yang dipecat dalam krisis kehakiman bagi memulihkan semula kewibawaan badan kehakiman yang tercemar sejak 20 tahun lalu.


Bekas hakim itu termasuk Salleh Abas, Tan Sri Azmi Kamaruddin, Seah, Tan Sri Wan Hamzah Mohd Salleh, Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abdolcadeer dan Wan Suleiman.

Sementara itu, Wan Hamzah yang ditemui pada majlis itu berkata, pemberian *ex-gratia* itu sebagai simbol dan semangat untuk memastikan kredibiliti badan kehakiman di negara ini terus terpelihara.

"Selama hampir 20 tahun saya menanggung malu dan sedih kerana ketika peristiwa itu berlaku, ramai kawan yang mengelak untuk berjumpa saya," katanya

Selain itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan dijadikan sebuah suruhanjaya sepenuhnya menjelang akhir tahun ini sebagai satu daripada empat inisiatif pembaharuan utama yang dilaksanakan kerajaan sebagai langkah menangani kebimbangan rakyat mengenai rasuah di negara ini.

Suruhanjaya itu yang akan membentangkan laporan tahunan dan tertakluk kepada pertanyaan daripada



IMEJ PULIH: Salleh dan isteri, Toh Puan Azzahra

sebuah jawatankuasa Parlimen mengenai pencegahan rasuah, akan memastikan wujudnya usaha sekatan dan imbalan yang berkesan. Serentak itu, tenaga kerja suruhanjaya itu ditambah kepada 5,000 pegawai dalam tempoh lima tahun.

Kerajaan juga akan memperkenalkan perundangan bagi menyediakan perlindungan menyeluruh kepada pemberi maklumat dan saksi kes rasuah.


Semua ini memberi kesan positif bagi jangka panjang dan sudah pasti berupaya memikat pelabur untuk terus melabur di Malaysia.

Malah, Kerajaan Pusat terus memberi subsidi kepada rakyat dalam pelbagai bentuk seperti subsidi petrol dan diesel selain Petronas membantu memberi subsidi untuk gas.

Keprihatinan kerajaan tidak terhenti di situ, sebaliknya sentiasa mendengar rintihan rakyat termasuk bersetuju menerima kenaikan gaji 17 peratus, iaitu yang tertinggi dalam tempoh 10 tahun menerusi

tanpa propaganda

kerajaan berikutan pelbagai isu global



Azimah Mohd Ali ceria selepas kerajaan memberi jaminan akan memulihkan institusi kehakiman.

INTI PATI

Antara perubahan dilakukan kerajaan

- Suruhanjaya Kehakiman.
- Suruhanjaya Diraja Klip Video Lingam.
- Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia 2004.
- Badan Pencegah Rasuah jadi suruhanjaya sepenuhnya menjelang akhir tahun.
- Melaksanakan liberalisasi pasaran industri simen dan keluli bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan.
- Kementerian Kewangan memansuhkan harga siling besi keluli berkuat kuasa 12 Mei lalu.

perjanjian bersama (CA) yang dicapai Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (Nube) dan Persatuan Bank Perdagangan Malaysia (MCBA), pada 21 Jun lalu.

Keputusan itu melegakan kira-kira 32,000 kakitangan dan Persatuan Bank Perdagangan Malaysia (MCBA) dan bukan perkeranian bank perdagangan.

Pada masa sama, kerajaan terus melaksanakan liberalisasi pasaran industri simen dan keluli bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan mencukupi untuk menampung pertumbuhan sektor pembinaan, mulai 2 Jun lalu.

Langkah terbaru ke arah itu ialah mempercepatkan proses pemberian permit import (AP) bagi kedua-dua bahan binaan terbabit daripada seminggu kepada dua atau tiga hari berkuat kuasa serta-merta.

Selain itu, Kementerian Kewangan turut memansuhkan harga siling besi keluli berkuat kuasa 12 Mei lalu

yang dianggap dapat menstabilkan harga barang berkenaan dan mengembalikan keyakinan kontraktor tempatan, sekali gus merencanakan kegiatan sektor pembinaan negara.

Itu dilakukan sepanjang 100 hari lalu sejak BN terus diberi mandat untuk memerintah selepas pilihan raya umum lalu. Sudah tentu, Pak Lah mempunyai banyak lagi perancangan bagi membawa faedah kepada rakyat.

Bagaimanapun, segala usaha itu tidak menghentikan tindakan sesetengah pihak untuk terus mendesak Pak Lah berhenti dan terbaru tindakan Parti Maju Sabah (SAPP) mahu menyokong undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri tetapi usaha itu tidak menjadi kenyataan.

Sokongan kuat parti komponen BN yang lain terhadap kepemimpinan Pak Lah memberikannya keyakinan baru untuk terus mentadbir Kerajaan Persekutuan dan negara dengan lebih baik.